

90
Supaya tidak bersaing
dengan badan2 berkanun

CARA BARU BANTU B- PUTERA

KERAJAAN akan mengkaji semula dan mengubah corak keseluruhan Rancangan Pembangunan Usahawan di bawah Dasar Ekonomi Baru negara bagi memastikan ia dapat memainkan peranan yang lebih bermakna lagi dalam membantu para pengusaha bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian hari ini berkata, di masa lalu setengah bidang pembangunan usahawan seperti pengurusan kewangan, pengeluaran dan pemasaran telah tidak diberikan penekanan utama, walaupun ia merupakan bidang yang paling diperlukan bantuan oleh para pengusaha bumiputera.

Tambahan pula, menurut beliau, kini sudah terdapat bukti-bukti yang nyata menunjukkan bahawa salah satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh para pengusaha bumiputera ialah dalam bidang pengurusan berkanun.

"Oleh itu di samping menjadikannya lebih rasional, rancangan itu juga mungkin perlu diubahkan coraknya bagi memastikan ia dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dalam membantu kaum bumiputera," ujar beliau.

Berucap merasmikan Konvensyen Ekonomi Malaysia di Universiti Malaya di sini pagi ini, Dr.

KUALA LUMPUR
19 MEI

Mahathir juga menyebut perkara-perkara berikut:

- Garis-garis panduan dasar yang baru perlu digubal segera bagi mentakrifkan semula bidang-bidang penyertaan ekonomi oleh badan-badan awam bagi memastikan ia tidak bercanggah dan bersaing dengan pengusaha-pengusaha bumiputera;

Dasar-dasar

- Agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan kewangan berkanun telah diarahkan menyusun suatu sistem kawalan bagi mengesan setiap kesilapan dan kekurangan dalam pelaksanaan dasar-dasar ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga; dan

- Kerajaan akan terus melaburkan dengan banyaknya di bidang pembangunan wilayah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga termasuk sebanyak \$12,000 juta bagi tiga buah pihak berkuasa pembangunan wilayah yang ada sekarang dan sebuah lagi yang sedang dirancangkan.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu bahawa laporan-laporan dari setengah pengusaha bumiputera menunjukkan dalam beberapa bidang tertentu, perbadanan-perbadanan awam telah bersaing dengan para pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera.

Sedangkan, menurut beliau, semasa kerajaan menyusun Dasar Ekonomi Baru itu dulu, kerajaan tidak bercadang supaya perbadanan-perbadanan awam bersaing dengan para pengusaha bumiputera.

"Oleh itu adalah jelas bahawa garis-garis panduan dasar yang baru perlu diadakan untuk mentakrifkan bidang-bidang tertentu bagi penyertaan mereka dalam ekonomi di mana pada umumnya badan-badan awam itu mestilah hanya memainkan peranan sebagai pendorong kepada pengusaha bumiputera," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, kerajaan juga telah dapat mengetahui bahawa sistem pelaksanaan dan kawalan kewangan berkanun merupakan masalah utama yang dihadapi dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Katanya, di peringkat pusat kerajaan telah mengadakan satu sistem kawalan perangkaan mengenai ekuiti, pekerjaan dan pengurusan. Bagaimanapun satu sistem kawalan bagi mengesan ketidakcekapan di peringkat berkanun belum lagi diwujudkan.

Beliau mengingatkan, jika ketidakcekapan itu tidak diperbetulkan, segala faedah yang dihasratkan tidak akan tercapai.

Dr. Mahathir telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai dasar-dasar ekonomi negara yang kesemuanya ditujukan ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.